

# Anak Angkat Sebagai Pilihan bagi Keluarga Tanpa Anak

Nor Khairil Muhamad Basri  
Syafiq Hairol Zaman  
Bushrah Basiron

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia bushrah@utm.my

## Suggested Citation:

Muhamad Basri, Nor Khairil; Hairol Zaman, Syafiq; & Basiron, Bushrah. (2019). *Anak Angkat Sebagai Pilihan bagi Keluarga Tanpa Anak*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019 dengan tema 'Ke Arah Pembentukan Masyarakat Cemerlang' bertempat di 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur, pada 18 Ogos 2018: 69-78, ISBN: 978-967-2171-91-1.

## Abstract

Isu pengambilan anak angkat sebagai pilihan keluarga tanpa anak bukan merupakan isu baru dalam kalangan masyarakat. Malahan ini merupakan satu alternatif yang boleh diambil oleh mereka bagi memenuhi impian untuk memiliki anak. Ketiadaan anak kandung tidak sepatutnya merencatkan keceriaan dan kebahagiaan setiap pasangan yang berumahtangga. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai cara dan ikhtiar lain untuk mendapatkan zuriat jika penggunaan sains dan teknologi terkini tidak berhasil. Antara usaha lain yang boleh dilakukan oleh pasangan yang kurang bernasib baik ini ialah dengan menjadikan anak angkat sebagai anak mereka sendiri walaupun dari segi syarak membuktikan DNA mereka bukan dari darah daging mereka sendiri. Oleh itu, kertas kerja ini akan mengupas cara-cara pengambilan anak angkat yang sah di sisi undang undang Malaysia. Selain itu, hukum berkaitan pengambilan anak angkat, pewarisan harta pusaka dan cabaran yang timbul dalam mengambil anak angkat juga turut dibincangkan dalam kertas kerja ini. Kajian ini adalah bersumberkan daripada jurnal, buku, laman web rasmi kerajaan serta makalah ilmiah. **Kata Kunci:** Anak angkat, pengambilan anak angkat, keluarga tanpa anak, hukum, cabaran, harta pusaka

## References

- 'Ulwan, Abdullah Nasih. 1998. *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam*. Jld. 1-3. Kuala Lumpur.
- Abd Talib, Yusliza Yakimir. 2016. Sinar Kasih Anak Angkat. *Harian Metro*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/node/187492>
- Abdul Kadir, Mohammad Nidzam, & Awang, Mohd Daud. 2018. "Penyusuan Kanak-Kanak Melebihi Usia Dua Tahun: Status Anak Angkat Menjadi Anak Susuan". *Al-Anwar*, 5(1), 65-78.
- Abdul Wahab, Suhaida. 2018. Buat Pasangan Yang Diuji Belum Ada Rezeki Anak. *Mingguan Wanita*, 2019.
- Al-Daruqutni, 'Ali. 2004. *Sunan al-Daruqutni*. Shu'aib Al-Arna'ut, Hasan 'Abd al-Mun'im Shalbi, 'Abd al-Latif Hirzullah, & Ahmad Barhum (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Muslimin, Al-Mawsu'ah lil-Atfal. 2007. *Ensiklopedia Anak-anak Muslim*. Grasindo.
- Al-San'ani, Muhammad Isma'il. t.th. *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Muram Min Adilat al-Ahkam*. T.T.P.: Dar al-Hadith.
- Engku Ali, Engku Muhammad Tajuddin. 2011. "Kelemahan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Negeri dalam Menangani Keperluan Pengangkatan". *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Keluaran Khas*, 27-40.
- Hamzah, Naemah. 2017. Aurat. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Kedua ed., Vol. 1, pp. 15-19). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persekutuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Ismail, Ahmad Tarmiizi. 2018, Oct 21. Patuhi hukum syarak ambil anak angkat. *Berita Harian*. Diakses dari <https://www.pressereader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20181021/282179357062239>
- Ismail, Ahmad Tarmiizi. 2018. Hukum dalam Pengambilan Anak Angkat (pp. 46). Kuala Lumpur: Berita Harian.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Sahir, Zafirah, & Halim, Nur Asmidar. 2012, 22 September 2012. *Penjagaan Anak-anak yang Menyeronokkan*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamus Pelajar*. (Ed.) 2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia. (2009). *Akta Pengangkatan 1952*. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.
- Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara. 2019. Permohonan Pendaftaran Pengangkatan (De Facto) di Semenanjung Malaysia. Tarikh akses pada, 2019, di
- Md Saman @ Osman, Asri. 2012. *Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-Anak*. Jitra Kedah: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman.
- Mohamed, Zahazan. 2006. *Anakku Hebat Anakku Soleh*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muda, Resali 2016. "Harta Pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan dan Pentadbiran". *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 3(2016), 1-10.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sabih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Nur Muhamad, Nasrul Hisyam. 2017. "Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta Islam: Prosedur dan Pelaksanaan". *Jurnal Hadhari* 9, 9(1), 17-32.
- Saari, Zilal. 2015. *Model Garis Panduan Penyusunan Anak Angkat Menurut Perspektif Fiqh dan Sains*. (Doktor Falsafah (Fiqh Sains dan Teknologi)), Universiti Teknologi Malaysi, Skudai Johor.
- Taubah, M. 2016. "Pendidikan Anak dalam Keluarga Perspektif Islam". *Jurnal Pendidikan Agama Islam (Journal of Islamic Education Studies)*, 3(1), 109-136.

# 6

## ANAK ANGKAT SEBAGAI PILIHAN BAGI KELUARGA TANPA ANAK

Nor Khairil Muhamad Basri  
Syafiq Hairol Zaman  
Bushrah Basiron

### Abstrak

*Isu pengambilan anak angkat sebagai pilihan keluarga tanpa anak bukan merupakan isu baru dalam kalangan masyarakat. Malahan ini merupakan satu alternatif yang boleh diambil oleh mereka bagi memenuhi impian untuk memiliki anak. Ketiadaan anak kandung tidak sepatutnya merencatkan keceriaan dan kebahagiaan setiap pasangan yang berumah tangga. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai cara dan ikhtiar lain untuk mendapatkan zuriat jika penggunaan sains dan teknologi terkini tidak berhasil. Antara usaha lain yang boleh dilakukan oleh pasangan yang kurang bernasib baik ini ialah dengan menjadikan anak angkat sebagai anak mereka sendiri walaupun dari segi syarak membuktikan DNA mereka bukan dari darah daging mereka sendiri. Oleh itu, kertas kerja ini akan mengupas cara-cara pengambilan anak angkat yang sah di sisi undang undang Malaysia. Selain itu, hukum berkaitan pengambilan anak angkat, pewarisan harta pusaka dan cabaran yang timbul dalam mengambil anak angkat juga turut dibincangkan dalam kertas kerja ini. Kajian ini adalah bersumberkan daripada jurnal, buku, laman web rasmi kerajaan serta makalah ilmiah.*

**Kata Kunci:** *Anak angkat, pengambilan anak angkat, keluarga tanpa anak, hukum, cabaran, harta pusaka*

### PENDAHULUAN

Dari segi istilah, anak angkat merupakan anak yang bukan lahir daripada darah daging kita sendiri, dengan kata nama lain anak pasangan lain yang dipelihara sebagai anak angkat yang mungkin diambil daripada pusat jagaan anak yatim, jabatan kebajikan, atau diberi sendiri oleh ibu bapa kandung mereka atas sebab-sebab tertentu (*Kamus Pelajar*, 2008; *Kamus Dewan*, 2005).

Anak adalah satu anugerah yang terindah bagi setiap pasangan yang berkahwin, tidak kira jantina sama ada lelaki mahupun perempuan. Setiap pasangan yang sudah berkahwin tentu mengharapkan kehadiran cahaya mata secepat mungkin bagi menambah seri sesebuah keluarga (al-Muslimin, 2007; Md Saman @ Osman, 2012; Mohamed, 2006; 'Ulwan, 1998; Taubah, 2016; Jasmi et al., 2012). Namun, kadangkala perkara ini tidak terjadi kepada sesetengah pasangan memandangkan soal cahaya mata ini adalah bergantung kepada rezeki bagi setiap pasangan sama ada dikurniakan cepat ataupun lambat (Abd Talib, 2016; Abdul Wahab, 2018).

Dengan kata lain, tidak semua pasangan yang bernasib baik memiliki zuriat seawal perkahwinan kerana zuriat itu merupakan rezeki kurniaan daripada Allah SWT. Hal ini demikian kerana terdapat pasangan yang mengambil masa yang lama untuk memiliki zuriat sendiri, berbanding pasangan yang bertuah memiliki zuriat di awal perkahwinan. Jelasnya, perkara ini bergantung kepada ketentuan Ilahi.

Bagi pasangan yang tidak mempunyai cahaya mata, mungkin akan memberi tekanan kepada mereka jika usaha mereka untuk mendapat cahaya mata tidak kesampaian dan menemui jalan buntu. Oleh itu, sebagai pasangan yang tidak mempunyai anak, mereka mungkin boleh mengambil inisiatif mengambil anak angkat bagi menyinari hari-hari indah mereka (Abd Talib, 2016).

## PROSES PENGAMBILAN ANAK ANGKAT DI MALAYSIA

Sesetengah pasangan yang tidak bernasib baik dan sukar mendapat zuriat mungkin pernah terfikir untuk mengambil anak angkat dan memikirkan persoalan sama ada salah atau tidak jika mereka mengambil anak angkat (Ismail, Ahmad Tarmiizi, 2018; Abd Talib, 2016).

Sudah pastinya niat mereka baik dan tidak salah di sisi agama Islam mahupun dari segi undang-undang Malaysia. Apatah lagi jika anak angkat itu diambil daripada anak yatim yang kehilangan kedua-dua ibu bapa mereka. Dengan itu, pasangan yang kurang bernasib baik ini boleh mencurahkan kasih sayang kepada anak yatim tersebut. Tetapi persoalannya, adakah proses pengambilan anak angkat di Malaysia ini perlu melalui proses yang rumit? Di Malaysia, setiap perkara termaktub kepada undang-undang serta peraturan negara ini, termasuk dalam proses pengambilan anak angkat (Malaysia, 2009). Di bawah seksyen 6(1) Akta 253, semua permohonan dan kanak-kanak (anak angkat) harus mematuhi beberapa syarat kelayakan. Antaranya pemohon perlu memastikan (Malaysia, J. P. N., 2019):

- (1) Salah seorang ibu bapa angkat bertaraf warganegara Malaysia atau penduduk tetap.
- (2) Ibu bapa angkat berumur 25 tahun ke atas dan sekurang-kurangnya 18 tahun lebih tua daripada anak angkat.
- (3) Pasangan yang ingin mengambil anak angkat mestilah mempunyai dokumen perkahwinan yang sah.
- (4) Mendapat keizinan ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut (surat akuan berkanun).
- (5) Sekiranya tiada keizinan ibu kandung kanak-kanak tersebut proses mengambil anak angkat perlu mendapatkan perintah mahkamah atau laporan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- (6) Permohonan perlu dikemukakan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam daerah ibu bapa angkat bermaustatin.

Oleh itu, terdapat prosedur tertentu yang perlu dipatuhi untuk memiliki anak angkat akan tetapi tidaklah begitu rumit kerana negara kita memiliki peraturan yang ditetapkan di dalam perlembagaan Malaysia. Dalam hal ini, ibu bapa angkat perlu mematuhi undang-undang yang ditetapkan bagi melancarkan proses pengambilan anak angkat.

Bagi kanak-kanak pula, terdapat syarat yang ditetapkan oleh perlembagaan bahawa mereka haruslah menepati syarat seperti berikut:

- (1) Kanak-kanak mestilah belum berkahwin.
- (2) Berumur bawah 18 tahun dan bermastautin di semenanjung Malaysia.
- (3) Kanak-kanak haruslah bertaraf warganegara Malaysia atau bukan warganegara Malaysia.
- (4) Kanak-kanak memiliki sijil pendaftaran diri (sijil kelahiran/ Mykid/ passport/ permit masuk bagi warganegara asing/ dan visa perlu cukup dua tahun)
- (5) Telah dalam penjagaan dan dipelihara pasangan suami isteri secara bersama selama dua tahun yang berterusan sebelum proses mengambil anak angkat dijalankan.

Bagi kanak-kanak pula, syarat yang ditetapkan tidaklah begitu rumit kerana bagi kanak-kanak yang baru lahir mereka sekurang-kurangnya di daftarkan di JPN. Perkara ini akan memudahkan proses pengambilan anak angkat.

## PERMOHONAN PENGAMBILAN ANAK ANGKAT DI MALAYSIA

Terdapat dua cara pengambilan anak angkat di Malaysia, iaitu mendapat terus anak angkat atas pemberian ibu kandung atau melalui permohonan di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jika

pasangan suami isteri ingin memohon di Jabatan Kebajikan Masyarakat, mereka boleh membuat permohonan melalui surat, faks, telefon, email atau datang sendiri ke Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah di tempat mereka bermaustatin, akan tetapi perlu melalui proses pengambilan perintah mahkamah.

Namun jika rezeki pasangan berkenaan menerima terus daripada ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut, pasangan berkenaan perlu melakukan beberapa prosedur bagi memastikan kanak-kanak tersebut dijadikan anak angkat yang sah di sisi undang-undang. Terdapat dua cara permohonan untuk mengesahkan pengambilan anak angkat tersebut iaitu:

- (1) Permohonan di mahkamah seksyen atau mahkamah tinggi dalam masa tiga bulan selepas menerima kanak-kanak untuk notis anak angkat.
- (2) Permohonan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menerusi Akta Pendaftaran anak angkat 1952 (Akta 253).

Dalam hal ini, jika ibu bapa angkat memilih untuk mengambil anak angkat melalui JKM, mereka perlulah:

- (1) Melengkapkan surat akuan berkanun.
- (2) Selepas dua tahun mengambil anak angkat tersebut, mereka perlulah mendaftarkan pengambilan anak angkat di JPN.
- (3) Dan melengkapkan prosedur pengambilan sijil pengangkatan.

Manakala jika ibu bapa angkat yang memilih untuk mengambil anak angkat daripada ibu bapa kandung pula, mereka perlulah mengemukakan Permohonan Notis Pengangkatan: Pemohonan biasanya boleh dibuat di Mahkamah Seksyen atau Mahkamah Tinggi.

Namun jika ibu bapa angkat memilih untuk memohon di Jabatan Pendaftaran Negara, mereka perlulah mengikut proses mengambil surat akuan berkanun, iaitu permohonan melalui Jabatan Pendaftaran Negara yang hanya boleh dilakukan selepas kanak-kanak dijaga selama dua tahun oleh ibu bapa angkat.

Oleh yang demikian, surat akuan berkanun (surat keizinan pengangkatan) yang dikeluarkan oleh JPN perlulah diisi oleh ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut, di dalam surat ini menyatakan ibu bapa kandung bersetuju untuk menyerahkan anak mereka kepada keluarga angkat tanpa ada unsur paksaan dengan menyertakan nama dan nombor sijil kelahiran kanak-kanak tersebut. Surat ini bertujuan untuk melindungi hak penjagaan ibu bapa angkat bagi mengelakkan ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut menuntut balik hak penjagaan anak mereka. Di dalam surat berkenaan ibu bapa kandung perlu menandatangani surat akuan berkanun di hadapan majistret atau Pesuruhjaya Sumpah. Selepas dua tahun, ibu bapa angkat perlu membuat permohonan sijil pengangkatan di Jabatan Pendaftaran Negara. Seterusnya, ibu bapa angkat perlu menghadiri sesi temuduga bersama anak angkat dan kehadiran anak angkat adalah wajib bagi memudahkan pegawai JPN menemuduga kanak-kanak tersebut. Setelah sesi temuduga selesai, barulah pihak JPN akan mengeluarkan Mykid yang baru kepada kanak-kanak tersebut.

Kesimpulannya, permohonan pengambilan anak angkat ini akan melalui dua cara yang termaktub dalam undang-undang di negara iaitu permohonan haruslah melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat atau melalui ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut. Hal ini demikian kerana syarat memiliki anak angkat perlulah disertakan dengan beberapa lampiran dokumen seperti yang dijelaskan sebelum ini.

## HUKUM DALAM PENGAMBILAN ANAK ANGKAT

Hukum asal dalam mengambil anak angkat adalah harus (Ismail, Ahmad Tarmizi, 2018). Oleh kerana tiada dalil bagi mengharamkan pengambilan anak angkat, maka hukumnya kekal harus. Walau bagaimanapun, hukum tersebut boleh berubah mengikut keadaan kepada sunat, wajib dan haram berdasarkan kepada kebajikan anak-anak angkat itu sendiri. Dalam hal ini, terdapat beberapa contoh bagi menerangkan perbezaan hukum tersebut. Pertama, jika pengambilan anak angkat itu diniatkan sebagai membantu sesama insan, maka ianya dikira sebagai sunat. Hal ini demikian selaras dengan syariat Islam iaitu saling membantu sesama insan seperti dinyatakan dalam firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksud: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya). (2)*

(Surah al-Maidah, 5: 2)

Dalam konteks ini, pengambilan anak angkat bagi membantu kebajikannya adalah sesuatu yang sangat mulia.

Selain itu, pengambilan anak angkat boleh menjadi wajib sekiranya anak itu akan ditimpa mudarat jika tiada waris untuk menjaganya seperti kematian ibu bapa dan tiada orang yang membimbing yang akan menyebabkan berlaku kerosakan dalam akidahnya. Dengan itu, adalah wajib bagi sesiapa yang mengenalinya untuk mengambilnya sebagai anak angkat.

Seterusnya, hukum menjadi haram jika anak angkat itu di 'bin' dan di 'binti' kan dengan bapa angkatnya. Perbuatan ini sebenarnya akan merosakkan institusi kekeluargaan Islam (Ismail, 2018). Allah SWT berfirman:

ادْعُوهُمْ لِآبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا آبَاءَهُمْ فَاخْتَارُوا لِذَاتِكُمْ فِي الدِّينِ وَمَمَالِكِكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿٥﴾

Maksud: *Panggilah anak angkat itu dengan ber"bin"kan kepada bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggilah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai "maula-maula" kamu. Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani).*

(Surah Al-Ahzab, 33: 5)

Dalam ayat di atas, jelas menyatakan hukum ibu bapa angkat yang meletakkan nama anaknya ber 'bin' kan dengan namanya adalah haram. Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui apa yang terbaik buat hamba-Nya.

### Hukum Aurat Anak Angkat

Anak angkat dalam keluarga Islam juga terikat dengan hukum menjaga aurat. Berbeza dengan anak susuan, anak angkat perlu menjaga batas aurat antara ibu bapanya serta adik beradik angkatnya. Semua batas aurat perlu dijaga seperti menjaga aurat ketika berada di luar rumah. Hal ini pastinya menimbulkan kesukaran apabila anak angkat itu semakin membesar (Engku Ali, 2011; Hamzah, 2017).

Bagi menghalalkan perkara yang haram tersebut, Islam membenarkan anak angkat menjadi anak susuan kepada keluarga angkatnya. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada syarat yang tertentu berkaitan anak susuan.

### Hukum Anak Susuan Dalam Pengambilan Anak Angkat

Secara amnya, Islam membenarkan wanita yang tidak melahirkan anak dan bercadang untuk mengambil anak angkat menyusukan sendiri anak tersebut untuk dijadikan anak susuan (Abdul Kadir & Awang, 2018). Hal ini bertujuan bagi membolehkan anak angkat itu dijadikan mahram kepada keluarga angkat tersebut. Apabila anak angkat ini menjadi mahram, maka dia tertakluk kepada halal dan haram dalam sistem kekeluargaan Islam (Saari, 2015).

### Syarat Penyusuan Yang Ditetapkan Oleh Syarak

Terdapat dua syarat utama yang menyebabkan penyusuan dianggap sempurna dan menjadikan hukum anak angkat seperti anak sendiri (Saari, 2015):

- (1) Hal ini berdasarkan Ibn 'Amir al-San'ani menyatakan dalam kitabnya bahawa susuan akan sempurna jika susuan dilakukan sebelum berumur dua tahun. Berdasarkan kepada hadis mauquf kepada Ibn Abbas RA yang diriwayatkan daripada Al-Daruqutni (2004: 4364) bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا رِضَاعَ إِلَّا مَا كَانَ فِي الْحَوْلَيْنِ

Maksud: *"Tidak dikira penyusuan melainkan sebelum bayi berumur dua tahun"*

(Al-Daruqutni)

- (2) Bayi mestilah menyusu sekurang-kurangnya lima kali kenyang. Kenyataan ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (t.th.: 1452). Hadis ini mauquf kepada saidatina Aisyah RA dengan kata beliau:

كَانَ فِيمَا أَنْزَلَ مِنَ الْقُرْآنِ عَشْرُ رَضَعَاتٍ مَعْلُومَاتٍ يُحَرِّمْنَ. ثُمَّ نُسِخْنَ بِخَمْسِ مَعْلُومَاتٍ فَتَوَفَّى رَسُولُ  
اللَّهِ ﷺ وَهَنَّ فِيمَا يُقْرَأُ مِنَ الْقُرْآنِ

Maksud: *"Pada peringkat awal penurunan al-Quran, penyusaun yang sempurna adalah 10 kali kenyang. Kemudian dibatalkan kepada lima kali kenyang sehinggalah Rasulullah SAW Wafat"*

(Muslim)

Dalam kitab Subul al-Salam pula menjelaskan bahawa bayi akan kenyang menyusu bermula dari awal penyusuan sehingga ia berhenti dengan sendirinya apabila ia kenyang (Al-San'ani, t.th.).

Sekiranya terberhenti disebabkan batuk, bersin, sendawa, dan kemudian menyambung semula susuan, ianya masih dikira sebagai sekali susuan (Abdul Kadir & Awang, 2018).

## ANAK ANGKAT MEWARISI HARTA PUSAKA

Dalam hukum faraid, anak angkat tidak termasuk dalam senarai orang yang mewarisi harta pusaka ibu bapa angkatnya. Secara biologi, anak angkat tiada pertalian darah dengan ibu bapa angkatnya dan dari segi syarak, dia tidak boleh dinasabkan walaupun ada juga anak yang di 'bin' kan tau di 'binti' kan kepada bapa angkatnya di dalam sijil kelahiran. Walau bagaimanapun perkara ini sudah tidak berlaku kerana Jabatan Pendaftaran Negara sudah tidak membenarkan perkara tersebut dilakukan.

Namun ini tidak bermaksud anak angkat tidak langsung diberikan hak dari bapa angkat dan waris ibu bapa angkatnya. Pandangan masyarakat bahawa anak angkat tidak berhak menerima harta peninggalan ibu bapa angkatnya adalah tidak tepat. Hal ini demikian kerana mereka juga berhak untuk mendapat sebahagian harta pusaka sebagai bekalan untuk kehidupan mereka kelak. Perkara ini jelas dinyatakan dalam firman Allah:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَوَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَوَلَدٌ وَوَرِثَةٌ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ ؕ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنْ اللَّهُ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٠٦﴾ \* وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمُنُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَلَةً أَوْ امْرَأَةً وَوَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتُ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَى بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍّ وَصِيَّةً مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٠٧﴾

Maksud: Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu



*ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (11) Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar. (12)*

(Surah *al-Nisa'*, 4: 11-12)

Islam merupakan merupakan agama yang adil kepada semua umatnya. Oleh itu, anak angkat juga boleh menerima sebahagian harta peninggalan keluarga angkat mereka melalui wasiat yang ditulis oleh ibu bapa angkat mereka. Dengan berwasiat, mereka layak menerima maksimum 1/3 daripada harta pusaka peninggalan keluarga angkat mereka manakala selebihnya akan menjadi milik waris arwah yang boleh dikira sebanyak 2/3 bahagian mengikut hukum faraid (Muda, 2016). Urusan wasiat kepada anak angkat boleh dilakukan seperti contoh di bawah:

*Azlan mempunyai seorang anak angkat, seorang isteri dan tiga orang adik beradik kandung seibu sebapa, dua lelaki dan seorang perempuan. Azlan mempunyai 10 ekar tanah. Dan semasa hayatnya Azlan berniat untuk mewasiatkan dua ekar tanah kepada anak angkatnya sekiranya dia meninggal dunia. Apabila Azlan meninggal dunia anak angkatnya berhak menuntut harta yang diwasiat kepadanya manakala isteri dan adik beradik Azlan boleh menuntut melalui pusaka secara faraid.*

Mengikut hukum faraid, disebabkan Azlan berniat mewasiatkan harta kepada anaknya, maka pembahagian harta akan menjadi seperti berikut:

Bil.	Pewaris	Pembahagian
(1)	Anak Angkat	2 ekar
(2)	Isteri	1 ekar
(3)	Adik Beradik Lelaki 1	2.8 ekar
(4)	Adik Beradik Lelaki 2	2.8 ekar
(5)	Adik Beradik Perempuan	1.4 ekar
	<b>Jumlah Ekar Tanah</b>	<b>10 Ekar</b>

Beginilah gambaran konsep pembahagian harta kepada seseorang yang bukan warisnya yang berhak mewarisi mengikut hukum faraid bagi menjamin situasi menang sama menang kepada semua pihak. Secara keseluruhannya, anak angkat juga seperti anak kandung yang berhak mewarisi harta pusaka cuma yang membezakannya ialah anak angkat menerima melalui wasiat manakala anak kandung menerima mengikut hukum faraid. Harta pusaka boleh diwarisi melalui:

- (1) Perkahwinan suami isteri

- (2) Nasab, pertalian darah
- (3) Baitulmal

Jika tiada perancangan pewarisan dibuat, maka nasib anak angkat mungkin tidak dapat dipastikan kedudukannya apabila ibu bapanya meninggal dunia. Hal ini boleh menyebabkan nasib anak ini tidak terbela dan terumbang ambing. Sebaiknya waris haruslah sedar tentang kebaikan mewariskan harta pusaka kepada anak angkat sebagai persediaan untuk mereka meneruskan hidup selepas kehilangan ibu bapa angkat mereka (Nur Muhamad, 2017).

## **CABARAN MENJAGA ANAK ANGKAT**

Sebagai ibu bapa kandung atau ibu bapa angkat, mereka perlulah memberi sepenuh kasih sayang kepada anak-anak dengan memberi perhatian kepada keperluan fizikal, emosi dan pembelajarannya serta memastikan keselamatan tempat tinggal mereka. Hal ini demikian bermakna ibu bapa perlu membimbing dan membantu perkembangan anak tersebut kerana mereka mungkin berhadapan dengan isu emosi, tingkah laku, atau isu perubatan yang mungkin berkait dengan sejarah masa lampau kanak-kanak tersebut seperti kes penderaan, pengabaian dan perpisahan ibu bapanya.

Selain itu, adakalanya ibu bapa mungkin terpaksa berdepan dengan kenyataan atau pertanyaan sensitif daripada masyarakat berhubung pengambilan anak angkat. Hal ini demikian kerana akan timbul pelbagai reaksi daripada masyarakat apabila pasangan tersebut memilih untuk mengambil anak angkat. Akan tetapi, secara keseluruhannya, masyarakat zaman kini semakin bersikap terbuka dan menerima isu pengambilan anak angkat sebagai suatu keperluan dalam masyarakat. Kebiasaannya, ibu bapa angkat menghadapi lebih banyak cabaran berbanding ibu bapa kandung kerana banyak perkara baharu yang perlu dipelajari dan ditangani oleh mereka.

Antara cabaran lain yang dihadapi ialah seperti mengambil anak angkat yang besar dan boleh berfikir serta bertindak balas terhadap suasana sekeliling. Sebagai contoh, terdapat cabaran tertentu apabila mengambil anak angkat yang berusia antara 7-12 tahun. Hal ini demikian kerana pada usia ini, anak angkat tersebut sukar untuk dibentuk mengikut acuan ibu bapa angkatnya. Mungkin kerana anak ini sudah lama hidup bersendirian tanpa kasih sayang dari ibu bapanya. Mungkin juga dalam fikiran mereka hanya untuk teruskan hidup dan bukan untuk hidup berkeluarga dan disayangi. Pasti keadaan ini akan menuntut kesabaran yang tinggi kepada ibu bapa angkat tersebut (Abd Talib, 2016).

### **Persepsi Masyarakat Terhadap Anak Angkat**

Persepsi masyarakat tentang pasangan yang mengambil anak angkat tidaklah membimbangkan di negara ini. Hal ini demikian kerana masyarakat zaman sekarang mempunyai pemikiran yang lebih terbuka. Selain pasangan yang sudah berkahwin, lelaki atau wanita bujang juga banyak mengambil anak angkat sebagai peneman hidup mereka. Senario ini dapat dilihat apabila artis yang masih bujang mengambil anak angkat dan secara tidak langsung menjadi model untuk masyarakat di luar sana untuk mengambil anak angkat.

Mungkin jauh dilubuk hati mereka dengan mengambil anak angkat ini bukan sahaja boleh menjadi peneman hidup mereka bahkan atas dasar kesedaran dan simpati terhadap nasib anak yatim atau anak kepada keluarga kurang kemampuan untuk menjaga anak kecil tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa pandangan masyarakat tentang pengambilan anak angkat bagi pasangan yang tidak dikurniakan anak tidaklah buruk dan negatif. Dengan sebab itu, setiap pasangan yang tidak mempunyai anak tidak perlulah merasa malu untuk mengambil anak angkat terutama anak yatim kerana selain menjadi ibu bapa angkat, mereka juga boleh mencurahkan kasih sayang sepenuhnya terhadap anak-anak

yang tidak berpeluang untuk mendapat kasih sayang daripada ibu bapa kandung mereka (Abd Talib, 2016).

### **Persepsi Keluarga Terdekat**

Persepsi keluarga terdekat mungkin bergantung kepada diri masing-masing. Terdapat saudara mara yang boleh menerima kehadiran anak angkat namun ada juga yang akan membezakan anak darah daging mereka sendiri dengan orang luar. Sikap negatif ini perlulah dielakkan kerana akan memberi kesan kepada anak angkat itu dari segi mental dan fizikal. Selain itu, persepsi negatif seperti ini juga akan memberi kesan kepada pasangan yang mengambil anak angkat kerana mereka akan merasa terasing dari ahli keluarga yang lain. Bagi keluarga terdekat pula, mereka perlulah memberikan dorongan, sokongan dan semangat yang sewajarnya kepada pasangan ini untuk meneruskan kehidupan dengan cahaya mata angkat mereka serta menerima kehadiran dan melayan anak angkat tersebut seperti darah daging sendiri tanpa diskriminasi.

## **INISIATIF KERAJAAN TENTANG ANAK ANGKAT**

Anak angkat merupakan insan yang dipilih oleh pasangan yang tidak memiliki anak untuk dijaga dan diasuh, tidak kira kanak-kanak itu anak yatim atau mempunyai ibu bapa kandung. Oleh itu, mereka perlu diberi perlindungan sewajarnya seperti anak kandung sendiri. Selain anggota masyarakat, kerajaan juga perlu memainkan peranan untuk melindungi kanak-kanak ini seperti yang termaktub di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Di bawah jabatan ini, mereka mencadangkan untuk mewajibkan semua pasangan yang ingin mengambil anak angkat supaya menjalani kursus keibubapaan terlebih dahulu. Kursus ini dicadangkan bagi memberi ilmu kepada pasangan yang tidak memiliki anak untuk menerokai ilmu dan kaedah penjagaan anak dengan betul dari segi mental, fizikal, dan psikologi.

LPPKN berharap inisiatif ini mampu membantu membimbing pasangan suami isteri supaya bersedia memiliki ahli keluarga baharu selain persediaan dari segi fizikal, mental dan psikologi. Hal ini demikian kerana LPPKN tidak menghalang mana-mana pasangan yang ingin mengambil anak angkat tetapi mereka berharap pasangan ini bersedia dari segi emosi dan psikologi untuk memikul tanggungjawab yang berat ini. Walaupun cadangan ini masih diperingkat awal tetapi ianya amat bernas diutarakan kerana jika pasangan yang mengambil anak angkat kurang berpengalaman dalam urusan penjagaan anak angkat, keadaan ini akan menyebabkan timbulnya pelbagai kesan negatif dalam institusi keluarga seperti kes penderaan, pengabaian, tekanan dan sebagainya.

## **KESIMPULAN**

Sebagai rumusannya, didapati bahawa pengambilan anak angkat adalah salah satu jalan penyelesaian yang baik bagi keluarga yang tidak mempunyai anak. Kaedah yang terbaik adalah menjadikan anak tersebut sebagai mahram kepada keluarga tersebut iaitu menjadikannya anak susuan yang diambil sebelum berumur dua tahun. Cara ini dilihat sebagai yang terbaik khususnya bagi menjaga aurat dengan keluarga angkatnya. Kebelakangan ini pengambilan anak angkat menjadi ikutan di Malaysia terutama dalam kalangan artis-artis yang mengamalkannya. Namun harus diingat bahawa pengambilan anak angkat bukanlah mudah seperti yang dibayangkan dan bagi umat Islam, mereka wajib mengikuti syarat yang ditetapkan. Dalam hal ini, terdapat hukum-hukum yang perlu dititik beratkan selaras dengan ketentuan syarak. Selain itu, pelbagai cabaran terpaksa di tempuhi dalam membesarkan anak angkat dan ibu bapa angkat perlulah mempunyai kekuatan dan kesabaran dalam menangani cabaran yang mungkin timbul akibat dari persepsi masyarakat dan dari kalangan keluarga mereka sendiri.

## RUJUKAN

- 'Ulwan, Abdullah Nasih. 1998. *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam*. Jld. 1-3. Kuala Lumpur.
- Abd Talib, Yusliza Yakimir. 2016. Sinar Kasih Anak Angkat. *Harian Metro*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/node/187492>
- Abdul Kadir, Mohammad Nidzam , & Awang, Mohd Daud. 2018. "Penyusuan Kanak-Kanak Melebihi Usia Dua Tahun: Status Anak Angkat Menjadi Anak Susuan". *Al-Anwar*, 5(1), 65-78.
- Abdul Wahab, Suhaida. 2018. Buat Pasangan Yang Diuji Belum Ada Rezeki Anak. *Mingguan Wanita*, 2019.
- Al-Daruqutni, 'Ali. 2004. *Sunan al-Daruqutni*. Shu'aib Al-Arna'ut, Hasan 'Abd al-Mun'im Shalbi, 'Abd al-Latif Hirzullah, & Ahmad Barhum (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Muslimin, Al-Mawsu'ah lil-Atfal. 2007. *Ensiklopedia Anak-anak Muslim*. Grasindo.
- Al-San'ani, Muhammad Isma'il. t.th. *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Muram Min Adilat al-Ahkam*. T.T.P.: Dar al-Hadith.
- Engku Ali, Engku Muhammad Tajuddin. 2011. "Kelemahan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Negeri dalam Menangani Keperluan Pengangkatan". *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Keluaran Khas*, 27-40.
- Hamzah, Naemah. 2017. Aurat. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Kedua ed., Vol. 1, pp. 15-19). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Ismail, Ahmad Tarmiizi. 2018, Oct 21. Patuhi hukum syarak ambil anak angkat. *Berita Harian*. Diakses dari <https://www.pressereader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20181021/282179357062239>
- Ismail, Ahmad Tarmizi. 2018. Hukum dalam Pengambilan Anak Angkat (pp. 46). Kuala Lumpur: Berita Harian.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Sahir, Zafirah, & Halim, Nur Asmidar. 2012, 22 September 2012. *Penjagaan Anak-anak yang Menyeronokkan*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. (Ed.) 2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia. (2009). *Akta Pengangkatan 1952*. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.
- Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara. 2019. Permohonan Pendaftaran Pengangkatan (De Facto) di Semenanjung Malaysia. Tarikh akses pada, 2019, di
- Md Saman @ Osman, Asri. 2012. *Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-Anak*. Jitra Kedah: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman.
- Mohamed, Zahazan. 2006. *Anakku Hebat Anakku Soleh*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Muda, Resali 2016. "Harta Pusaka Islam di Malaysia: Antara Perundangan dan Pentadbiran". *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 3(2016), 1-10.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Nur Muhamad, Nasrul Hisyam. 2017. "Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta Islam: Prosedur dan Pelaksanaan". *Jurnal Hadhari* 9, 9(1), 17-32.
- Saari, Zilal. 2015. *Model Garis Panduan Penyusuan Anak Angkat Menurut Perspektif Fiqh dan Sains*. (Doktor Falsafah (Fiqh Sains dan Teknologi)), Universiti Teknologi Malaysi, Skudai Johor.
- Taubah, M. 2016. "Pendidikan Anak dalam Keluarga Perspektif Islam". *Jurnal Pendidikan Agama Islam (Journal of Islamic Education Studies)*, 3(1), 109-136.